



**GARISPANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN TRANSIT
BAGI PERJALANAN DARAT MELALUI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG TINGGAL DAN MENETAP DI SABAH,
SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEMASA SITUASI COVID-19
(TARIKH KEMASKINI: 16 NOVEMBER 2021)**

PENDAHULUAN

1. Garispanduan ini bertujuan bagi menjelaskan mengenai syarat-syarat dan tatacara permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam bagi tujuan singgah (transit) melalui perjalanan darat semasa situasi COVID-19.
2. Bagi maksud garispanduan ini, *transit* bermaksud “perjalanan melalui darat melintasi Negara Brunei Darussalam tanpa singgah ke mana-mana tempat mulai dari satu pos kawalan (semasa masuk) ke satu pos kawalan yang telah dibenarkan (semasa keluar)”.
3. Permohonan perjalanan transit melalui Negara Brunei Darussalam hanya boleh dipertimbangkan bagi tujuan-tujuan berikut;
 - i. Atas urusan rasmi kerajaan;
 - ii. Persekolahan dan;
 - iii. Perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera).
4. Warganegara Malaysia yang tinggal dan menetap di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah berkelayakan untuk membuat permohonan ini.

KATEGORI PERMOHONAN

5. Terdapat dua (2) kategori permohonan bagi perjalanan transit iaitu;

5.1. Permohonan bagi kemasukan sekali sahaja

Kategori ini adalah bagi pemohon yang ingin melakukan perjalanan transit melalui Negara Brunei Darussalam atas urusan-urusan yang tertentu dan memerlukan satu kemasukan sahaja.

5.2 Kemasukan kerap bagi tempoh 30 hari

Bagi kategori ini, pemohon yang memerlukan perjalanan secara kerap melintasi Negara Brunei Darussalam boleh memohon untuk meminta pertimbangan bagi melintasi Negara Brunei Darussalam bagi tempoh tidak melebihi 30 hari. Dokumen-dokumen sokongan dari agensi-agensi atau jabatan berkaitan hendaklah dikemukakan semasa permohonan.

TATACARA PERMOHONAN

6. Warganegara Malaysia di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang ingin melakukan perjalanan darat bagi tujuan transit melalui Negara Brunei Darussalam hendaklah membuat permohonan secara atas talian di aplikasi *web based* melalui pautan:

<https://www.form.gov.bn/TravelApplicationIn/Pages/Registration-Form-C.aspx>

7. Pemohon hendaklah menyertakan salinan-salinan pasport yang sah, surat pengesahan Jabatan, dan lain-lain dokumen yang berkenaan.

8. Setiap permohonan yang dihadapkan akan diberikan nombor rujukan dan keputusan permohonan berkenaan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui emel. Kebenaran bagi permohonan selazimnya akan diproses dalam tempoh 5 hari bekerja tertakluk kepada penilaian Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

9. Untuk mengetahui status permohonan, pemohon boleh membuat semakan melalui pautan <https://www.form.gov.bn/TravelApplicationIn/Pages/Status-Page.aspx> dengan menggunakan nombor rujukan yang telah diberikan.

SETELAH MENDAPAT KEBENARAN

10. Setelah mendapat kebenaran, pemohon adalah dikehendaki untuk mencetak surat kebenaran berkenaan seterusnya mengemukakannya kepada pihak-pihak berkuasa semasa tiba di pos kawalan imigresen di Negara Brunei Darussalam.

TERMA DAN SYARAT KEBENARAN TRANSIT

11. Semua warganegara asing yang ingin melakukan perjalanan transit melalui Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk **menjalani ujian makmal SARS-COV2 RT-PCR sebelum memasuki negara ini**. Keputusan ujian (asal dan salinan) tersebut hendaklah ditunjukkan kepada pihak berkuasa semasa tiba di pos kawalan imigresen Negara Brunei Darussalam. Keputusan ujian yang negatif boleh digunakan dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI**.

12. Semasa di Pos Kawalan Negara Brunei Darussalam, kebenaran untuk masuk dan seterusnya membuat perjalananan transit melalui Negara Brunei Darussalam adalah tertakluk kepada prosedur-prosedur pemeriksaan lazimnya yang dijalankan ke atas warganegara asing. Pemohon adalah bertanggungjawab untuk mematuhi sebarang syarat dan terma yang dikenakan dari semasa ke semasa. Pihak-pihak berkuasa di Pos Kawalan mempunyai hak untuk menolak kemasukan mana-mana warganegara asing yang tidak mematuhi syarat dan terma yang dikenakan.

13. Kebenaran yang telah diberikan adalah sah bagi perjalanan TRANSIT sahaja. Pemohon hendaklah meneruskan perjalanan ke destinasi yang telah dibenarkan dan TIDAK DIBENARKAN untuk berhenti di mana-mana tempat di Negara Brunei Darussalam.

14. Pemohon adalah bertanggungjawab untuk mematuhi had masa perjalanan transit yang telah ditetapkan seperti berikut;

PERJALANAN DARI POS KAWALAN KE POS KAWALAN	TEMPOH HAD MASA
1. Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh ke Pos Kawalan Imigresen Sementara Kuala Lurah atau sebaliknya	Tidak melebihi 3 jam
2. Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh ke Ferry Terminal Serasa atau sebaliknya	Tidak melebihi 2 jam
3. Pos Kawalan Imigresen Sementara Kuala Lurah ke Ferry Terminal Serasa atau sebaliknya	Tidak melebihi 2 jam
4. Pos Kawalan Imigresen Sementara Labu ke Ujong Jalan atau sebaliknya	Tidak melebihi 1 jam

15. Mana-mana pemohon yang gagal mematuhi terma dan syarat transit yang telah ditetapkan boleh diambil tindakan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 sesuai dengan arahan-arahan dari Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam. Pemohon boleh dikenakan arahan perintah pengasingan diri dan segala kos ujian *swabbing* serta pengasingan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Pemohon juga boleh diambil tindakan di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 kerana gagal mematuhi arahan-arahan serta syarat yang ditetapkan di dalam pas imigresen yang telah diberikan.